

## PENCAPAIAN MAQASID HIFZ AL-NAFS KETIKA PANDEMIK KE ARAH MEREALISASIKAN WKB 2030

Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi<sup>i</sup> Muhamad Firdaus Ab Rahman<sup>ii</sup>, Azman Ab Rahman<sup>iii</sup>,  
Huda Mansor<sup>iv</sup>

<sup>i</sup> (Penulis Koresponden). Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. hussein@usim.edu.my.

<sup>ii</sup> Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. mfirdaus.rahman@usim.edu.my

<sup>iii</sup> Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)

<sup>iv</sup> Pegawai Perubatan, Institut Kanser Negara. drhudam@nci.gov.my

### Abstrak

*Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) menggariskan beberapa objektif antaranya untuk menstruktur semula ekonomi yang progresif, menangani jurang ekonomi antara masyarakat dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu dan makmur. Namun dengan berlakunya pandemik COVID-19 yang mengancam nyawa telah sedikit sebanyak mengganggu usaha merealisasikan objektif WKB 2030. Islam telah menggariskan konsep hifz al-nafs yang perlu dicapai bagi memelihara nyawa manusia. Walau bagaimanapun, masih tidak jelas bagaimanakah pencapaian hifz al-nafs dapat dilakukan ketika berlakunya bencana pandemik. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kaedah bagi melaksanakan hifz al-nafs dalam konteks pandemik. Kaedah metodologi kepustakaan, induktif dan deduktif digunakan secara konsisten. Hasil kajian menunjukkan bahawa hifz al-nafs boleh dilaksanakan dan dicapai melalui konsep wasilah mengikut isu, konteks and realiti yang spesifik. Kajian ini mencadangkan tiga wasilah utama untuk mencapai hifz al-nafs dalam ketika pandemik. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan rujukan oleh para pengkaji dan pembuat dasar.*

*Kata kunci: Maqasid Syariah, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), hifz al-nafs, penjagaan kesihatan.*

### PENDAHULUAN

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 telah dirangka agar hala tuju negara dapat dipandu dengan lebih jelas untuk menuju kepada pemesatan aktiviti ekonomi yang lebih progresif dan pembangunan sosial yang lebih makmur, sejahtera dan inklusif terhadap semua lapisan masyarakat. Inisiatif yang mampu memperkasakan kebajikan dan kemaslahatan sosial dilihat amat bertepatan dengan maqasid Syariah. Ia seperti yang diterangkan oleh (Ibn al-Qayyim, 2002):

*"Sesungguhnya syariah itu keseluruhan asasnya adalah kebijaksanaan dan kebaikan untuk manusia di dunia dan di akhirat. Syariah itu keseluruhannya keadilan, kebaikan dan kebijaksanaan. Justeru, setiap yang terkeluar dari garis keadilan kepada kezaliman, dari belas ihsan kepada yang berlawanan dengannya, dari kebaikan kepada kerosakan,*

*dari kebijaksanaan kepada sia-sia; kesemua tersebut bukan daripada Syariah walaupun diberikan pentafsiran untuknya".*

Justeru, setiap pandangan dan perbuatan yang mengakibatkan kezaliman, kebodohan dan kemudaratan tidak diiktiraf sebagai sebahagian daripada Syariah. Dapat disimpulkan bahawa intipati dan objektif daripada pensyariatian adalah untuk merealisasikan kebaikan dan manfaat buat manusia dan menolak segala bentuk kerosakan dan kemudaratan buat manusia. Oleh itu, pelaksanaan yang didakwa sebagai mematuhi Syariah tidak cukup sekadar memenuhi keperluan teknikal hukum hakam sahaja. Tetapi ia perlulah memenuhi objektif serta aspirasi Syariah diturunkan. Sebagai contoh dalam pelaksanaan kewangan Islam, segala transaksi dan pembangunan produk telah mengikut prosedur mematuhi Syariah agar hukum pelaksanaannya dapat diiktiraf sebagai harus. Namun yang masih menjadi persoalan adalah sejauh mana pelaksanaan kewangan Islam telah memenuhi kehendak dan objektif Syariah yang sebenar.

Penjagaan kesihatan merupakan antara aspek penting dalam merealisasikan kemaslahatan manusia sejagat. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengiktiraf penjagaan kesihatan sebagai hak asasi manusia yang fundamental tanpa mengira batas geografi, bangsa, agama dan status sosial. Ini bermakna, setiap individu harus mempunyai akses kepada perkhidmatan kesihatan yang diperlukan. WHO telah meluaskan lagi konsep 'kesihatan sebagai hak asasi manusia' dengan menekankan tentang aspek keperluan kepada akses air minuman bersih, kemudahan sanitasi, makanan bernutrisi, tempat berteduh yang wajar, pendidikan dan keadaan tempat kerja yang selamat.

Islam datang dengan misi masalah sosial yang antara lainnya, menitikberatkan aspek penjagaan kesihatan. Terdapat banyak dalil yang menganjurkan dengan serius akan perihal penjagaan kesihatan. Misalnya, hadis:

مَنْ أَصْبَحَ مِنْكُمْ آمِنًا فِي سِرِّهِ مُعَانِيًّا فِي جَسَدِهِ عِنْدَهُ قُوَّةٌ يَوْمَهُ فَكَأَنَّمَا حَيَّرَتْ لَهُ الدُّنْيَا

Maksudnya: *Siapa dari kalangan kamu yang paginya bermula dalam keadaan harmoni jiwanya, sihat tubuh badannya dan cukup makanan asasinya, maka seolah-olah dia dikurniakan dunia dan isinya.*

(Al-Tirmidhi, 1996)

Begitu juga dengan hadis yang berbunyi:

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ

Maksudnya: *Orang mukmin yang kuat (tubuh badan) lebih baik dan lebih disayangi oleh Allah dari mukmin yang dhoif.*

(Muslim, 1991)

Al-Quran turut memberi isyarat tentang kepentingan menjaga kesihatan. Ia dapat ditelusuri dalam banyak ayat al-Quran yang menyuruh menjaga kebersihan yang merupakan aspek penting dalam penjagaan kesihatan. Contohnya, individu muslim diwajibkan membersihkan anggota badannya setiap hari melalui ibadah berwuduk.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا

*Maksudnya: Wahai orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat, maka basuhlah mukamu dan tanganmu hingga ke siku, dan sapulah kepalamu dan (basuhlah) kakimu hingga ke buku lali*

(Al-Maidah: 6).

Menyedari banyaknya dalil yang memberi petunjuk akan peri pentingnya penjagaan kesihatan dalam Islam, para sarjana telah membuat analisis *istiqra'i* dan menyimpulkan bahawa menjaga kesihatan adalah antara perkara *daruri* (keperluan asas) yang termasuk sebahagian daripada maqasid Syariah (objektif Syariah) yang perlu direalisasikan. Imam Al-Ghazzali (2003) dalam analisisnya menyatakan:

*Sesungguhnya urusan agama tidak akan dapat dicapai kecuali melalui urusan keduniaan. Urusan agama berhajatkan kepada dua aspek iaitu ilmu pengetahuan dan ibadat. Kedua aspek ini pula tidak akan dapat dicapai kecuali dengan mempunyai tubuh badan yang sihat. Justeru, kadar yang mencukupi bagi keperluan asasi seperti pakaian, tempat tinggal, makanan ruji dan keselamatan adalah mustahak. Maka tidak sempurnalah urusan agama melainkan dengan cara mencapai keperluan-keperluan tersebut.*

Keperluan mencapai maqasid Syariah tidak memadai jika ia dilakukan secara individualistik. Ia perlu diusahakan secara kolektif agar semua masyarakat umum dapat menikmati kemaslahatan tanpa mengira agama, bangsa dan status. Pencapaian maqasid dan kemaslahatan sosial tidak boleh dilihat bersifat '*double standard*'. Jika terdapat masyarakat kelas pertama yang boleh menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan akses kepada penjagaan kesihatan, sedangkan masyarakat golongan bawahan terpinggir, maka dalam konteks ini pencapaian maqasid Syariah dilihat tempang dan tidak sempurna.

Dalam situasi wabak dan pandemik, aspek kesihatan lebih perlu diberi perhatian. Masyarakat berpendapatan rendah dilihat lebih terkesan dari sudut ekonomi dan lebih terdedah kepada risiko kesihatan. Justeru, dalam situasi seumpama inilah usaha mencapai maqasid Syariah dan masalah sosial perlu diketengahkan. Bab ini akan membincangkan tentang konsep maqasid Syariah. Perbincangan tentang *hifz al-nafs* yang merupakan maqasid yang major turut

diketengahkan. Akhirnya, bab ini cuba menghubungkan antara maqasid Syariah dan aspek penjagaan kesihatan, khususnya ketika pandemik.

## KONSEP MAQASID SYARIAH

'Maqasid' adalah perkataan bahasa Arab yang merupakan kata ganda dari perkataan 'maqsid' yang secara linguistiknya merujuk kepada objektif, tujuan, rasional dan aspirasi (Baalbaki, 1995). Pendefinisian maqasid secara teknikal atau istilah Syarak pula tidak dijumpai dalam rujukan-rujukan *turath* yang utama. Hinggakan Imam al-Shatibi yang digelar sebagai 'Bapa Maqasid' juga tidak mentarifikan maqasid dengan spesifik. Hal ini berlaku mungkin kerana maqasid Syariah merupakan istilah yang mudah difahami maknanya secara langsung (*straightforward meaning*) dalam kalangan para pengkaji ketika ilmu ini mula diasaskan 600 tahun dahulu.

Walau bagaimanapun, dalam suasana keilmuwan zaman moden yang menghadapi pelbagai isu kompleks, para pengkaji kontemporari berpandangan maqasid Syariah perlu mempunyai definisi teknikal tersendiri bersesuaian dengan kedudukannya sebagai disiplin ilmu yang penting. Al-Raysuni (1995) menyatakan maqasid Syariah bermaksud tujuan-tujuan Syariah diturunkan demi memenuhi kemaslahatan manusia. Laldin & Furqani (2012) cuba meluaskan takrifan Al-Raysuni dan mengkonsepkan maqasid Syariah sebagai matlamat dan objektif Islam sebagai suatu sistem kehidupan yang menawarkan standard garis panduan dan nilai berasaskan wahyu Ilahi untuk diaplikasikan dalam kehidupan bagi menyelesaikan masalah dan memandu kehidupan manusia.

Disiplin ilmu maqasid mempunyai hubung jalin yang sangat rapat dengan gaya al-Quran. Ini kerana dalam banyak tempat, ayat al-Quran diturunkan dengan menonjolkan aspek matlamat, objektif dan rasional terhadap hukum atau peraturan yang disyariatkan. Sebagai contoh, al-Quran menjelaskan bahawa Islam diturunkan sebagai satu rahmat kepada semua makhluk.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya: *Dan tidaklah kami utuskan kau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam.*

(Al-Anbiya: 107)

Dalam ayat yang lain, al-Quran menjelaskan bahawa Allah mahukan kemudahan dan kesenangan buat hamba-hambaNya.

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Maksudnya: Allah menghendaki bagi kamu kemudahan dan tidak mahukan kesusahan ke atas kamu.

(Al-Baqarah: 185)

Gaya al-Quran yang berorientasikan objektif turut dapat dilihat dalam surat al-Dhariah ayat 56 yang menjelaskan tujuan hidup manusia adalah untuk menghambakan diri mereka kepada Allah.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: Dan aku tidak ciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan diri kepadaku

(Al-Dharyyat: 56)

Dapat disimpulkan bahawa antara gaya al-Quran adalah ia membawa misi pencapaian maqasid atau objektif tertentu. Justeru, pelaksanaan arahan dan saranan al-Quran tidak memadai sekadar memenuhi aspek teknikal hukum tetapi perlu mencakupi aspek pencapaian maqasid atau tujuan al-Quran diturunkan.

## CIRI-CIRI MAQASID SYARIAH

Pengenalpastian ciri-ciri maqasid Syariah sukar dijumpai secara langsung dalam buku-buku maqasid klasik. Namun pada zaman kontemporari, ciri-ciri ini perlu dikenalpasti kerana terdapat kecenderungan untuk mendakwa perbuatan atau pandangan tertentu menepati maqasid Syariah demi meraih kepentingan sebahagian pihak. Lebih merisaukan, wujud juga kecenderungan untuk menghalalkan tindakan yang salah dengan alasan untuk mencapai maqasid Syariah. Ciri-ciri maqasid Syariah dapat disimpulkan sebagaimana berikut:

1. **Bersumberkan wahyu:** sesuatu perkara diiktiraf sebagai maqasid Syariah hanya apabila ia bersumberkan dalil sama ada daripada al-Quran ataupun Hadis. Tiada ruang untuk akal secara sendiri untuk menentukan maqasid Syariah tanpa didasarkan dengan dalil. Maka boleh dikatakan bahawa maqasid Syariah itu diturunkan oleh wahyu. Oleh kerana ia bersumberkan secara terus daripada wahyu, maka maqasid Syariah akan sentiasa relevan tanpa dibatasi dengan perubahan masa, tempat dan lokasi.
2. **Kekal:** maqasid Syariah merupakan dapatan analisis yang dibuat melalui kaedah *istiqra' kulli* iaitu penelitian induktif secara menyeluruh terhadap nas-nas Syarak. Al-Shatibi (2004) berpandangan maqasid yang terbit dari *istiqra kulli* bersifat *qat'i* dan kekal tanpa mengira masa, budaya, masyarakat dan tempat. Misalnya, maqasid menegakkan keadilan dan memenuhi *daruriyyat al-khams* adalah kekal relevan sepanjang zaman. Sifat kekal ini bukan bermakna

pencapaian maqasid Syariah bersifat rigid. Para ulama telah memperkenalkan konsep wasilah yang fleksibel agar maqasid dapat dicapai melalui wasilah yang sesuai mengikut situasi, masa dan lokasi.

3. **Universal:** maqasid Syariah bersifat universal untuk mencapai kesejahteraan keseluruhan manusia seperti yang diterangkan dalam surah Al-Anbiya ayat 107 di atas. Namun (Auda, 2007, 2011) berpandangan bahawa kebanyakan perbincangan maqasid Syariah dalam buku-buku klasik kurang bersifat universal dan lebih bersifat individualistik. Perbincangannya kelihatan terbatas dengan budaya dan masyarakat Arab. Menyedari jurang ini, pengkaji kontemporari mengambil pendekatan untuk mengetengahkan sifat universal bagi maqasid Syariah. Ia dilakukan dengan kaedah mengkaji maqasid bersumberkan terus dari dalil. Melalui kaedah ini, maqasid selain *daruriyyat al-khams* turut diketengahkan seperti keadilan, penjagaan ekosistem dan sebagainya.

## TUMPUAN PENCAPAIAN MAQASID SYARIAH

Pencapaian kemaslahatan manusia merupakan tumpuan utama maqasid Syariah. Maqasid dan masalah sememangnya mempunyai korelasi yang amat rapat hinggalah para pengkaji sering tertukar antara perkataan maqasid dan masalah. Masalah bermaksud prinsip-prinsip yang menumpukan aspek kelangsungan (*survival*) kewujudan manusia, kesempurnaan kehidupan, pengisian emosi dan pencapaian kualiti intelektual yang diperlukan dalam kehidupan manusia (Al-Shatibi, 2004). Dalam merealisasikan kemaslahatan, manusia sering mengalami sindrom kekeliruan keutamaan atau *priority disorder*. Al-Qaradawi (2012) menggambarkan bahawa sindrom ini telah memberi kesan buruk kepada umat Islam global yang menyebabkan urusan penting dan fundamental dipandang remeh, manakala urusan tidak penting dan serpihan diberikan tumpuan. Untuk menyantuni isu ini, para sarjana telah menggariskan hirarki masalah yang perlu bermula dengan pencapaian *daruriyyat*, diikuti oleh *hajiyyat* dan akhirnya, *tahsiniyyat* (Al-Ghazzālī, 1997). Penerangan lanjut seperti berikut:

1. **Maslahah primer – Daruriyyat:** ia merupakan keperluan asasi yang perlu diutamakan oleh manusia bagi memastikan kelangsungan kehidupan normal manusiawi. Tanpa keperluan ini, kehidupan mungkin musnah atau tidak berjalan secara normal. Melalui penelitian secara *istiqra'* terhadap dalil, terdapat sekurang-kurangnya lima keperluan daruriyyat (*daruriyyat al-khams*) iaitu: pemeliharaan agama (*hifz al-din*), pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*), pemeliharaan akal (*hifz al-'aql*), pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) dan pemeliharaan keturunan (*hifz al-nasl*). Pemeliharaan serta penjagaan lima keperluan ini merupakan sebahagian daripada maqasid Syariah yang wajib dipenuhi.

2. **Masalah sekunder – Hajiyyat:** keperluan peringkat ini diperlukan sebagai elemen sokongan bagi sistem kehidupan manusia. Ia berfungsi untuk menghilangkan kesusahan yang dialami. Namun, tanpa keperluan hajiyyat, kelangsungan hidup manusia masih berjalan secara normal. Sebagai contoh, dibolehkan bagi orang yang bermusafir untuk berbuka puasa pada bulan Ramadan bagi meringankan kesulitan musafir yang dialami.
3. **Masalah tertier – Tahsiniyyat:** Ia merupakan perkara yang membawa keselesaan kepada kehidupan manusia. Tanpa kewujudan tahsiniyyat, kehidupan manusia boleh berjalan secara normal tanpa mengalami sebarang kesulitan. Misalnya, dibenarkan untuk berkereta mewah, berpakaian berjenama dan sebagainya.

Daripada hirarki keutamaan masalah ini, dapat disimpulkan bahawa masalah *daruriyyat* adalah paling fundamental yang perlu diutamakan. Dalam konteks pandemik yang mengancam nyawa manusia, maka pencapaian maqasid pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*) perlu dititikberatkan. Justeru, misi menyelamatkan nyawa manusia dengan segera mestilah menjadi prioriti kerajaan dalam menguruskan perbelanjaan dan pengeluaran dasar negara, mengatasi agenda lain.


## **JURANG ANTARA MAQASID HIFZ AL-NAFS DAN WKB 2030**

Malaysia memerlukan satu wawasan baharu untuk menentukan hala tuju pembangunan negara yang bermatlamatkan kesejahteraan sosial, pertumbuhan ekonomi yang rancak, agihan ekonomi yang adil dan inklusif. Sehubungan itu, kerajaan telah melancarkan WKB 2030 yang dipercayai lebih holistik seiring dengan keperluan ekonomi yang kompleks dan struktur sosial yang dinamik. Bagi mencapai hasrat ini, WKB 2030 telah menggariskan tiga objektif utama iaitu:

1. **Pembangunan untuk semua:** Menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat.
2. **Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan:** Menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan untuk membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan.
3. **Negara Bersatu, Makmur dan Bermaruah:** Menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

Bagi mencapai objektif ini, tujuh pelan strategik telah dirangka yang merangkumi ekosistem perniagaan dan industri, aktiviti pertumbuhan ekonomi

utama, modal insan, pasaran buruh dan pampasan pekerja, kesejahteraan sosial, keterangkuman wilayah dan modal sosial. Jika diteliti, sebahagian besar objektif dan strategi yang digariskan lebih menumpukan untuk memesatkan aspek ekonomi negara. Ini kerana keupayaan ekonomi merupakan antara faktor utama bagi kestabilan negara dan kesejahteraan masyarakat.



Rajah 1: Kerangka Kerja Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

Walau bagaimanapun, negara telah diuji dengan bencana COVID-19 yang merencatkan pelaksanaan pelan-pelan strategi yang dirangka. Sehingga 29 Julai 2021, sebanyak 1,061,476 kes jangkitan telah direkodkan dan telah mengorbankan sebanyak 8,551. Impak penularan COVID-19 mencetuskan krisis kesihatan, menyebabkan aktiviti ekonomi merosot disebabkan gangguan bekalan dan permintaan susulan langkah kawalan pergerakan yang dilaksanakan. Populasi berpendapatan rendah dan pendalaman antara yang menerima kesan negatif secara langsung dari sudut kesihatan dan kewangan. Beberapa masalah timbul seperti peningkatan kadar pengangguran, penguncupan peluang pekerjaan, peningkatan kadar jenayah dan masalah sosial lainnya.

*Hifz al-nafs* merupakan maqasid yang amat penting bagi memelihara unsur-unsur yang dapat memastikan kemandirian (*survival*) nyawa manusia, dan menolak segala unsur mudarat yang mengancam nyawa manusia. Peringkat pentingnya *hifz al-nafs* menyebabkan sebahagian sarjana menganggapnya lebih utama daripada *hifz al-din* (pemeliharaan agama) (Al-Razi, 1992). Ini kerana tubuh badan yang sejahtera adalah kunci untuk memelihara keperluan yang lain. Justeru, dalam situasi pandemik pelaksanaan *hifz al-nafs* perlu diusahakan secara aktif dan dibahaskan dengan teliti



mengikut konteks dan realiti. Walau bagaimanapun, konsep *hifz al-nafs* kurang dikupas secara rinci dan praktikal. Auda (2007) berpandangan bahawa perbincangan tentang pencapaian maqasid kurang selari dengan realiti moden kerana sebahagian pengkaji terlalu dipengaruhi oleh pandangan daripada buku klasik yang dihasilkan mengikut suasana dan budaya ketika buku itu ditulis. Jurang ini perlu diisi oleh pengkaji kontemporari untuk menghasilkan idea serta buah fikiran yang lebih praktikal, dalam masa yang sama mengikut kapasiti Syariah.

## PENCAPAIAN HIFZ AL-NAFS: MEMAHAMI MAQASID DAN WASILAH

Islam memelihara nyawa manusia tanpa kompromi dan meletakkannya sebagai antara tujuan pensyariaan yang wajib dicapai semampu mungkin. Islam memuliakan nyawa manusia pada tahap yang tinggi seperti mana yang diterangkan dalam al-Quran:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوَبْرِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

*Maksudnya: Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.*

(Al-Isra': 70)

Justeru, al-Quran melarang keras perbuatan yang mengancam nyawa manusia hinggakan jenayah bunuh satu nyawa dianggap sebagai membunuh semua manusia.

مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا

*Maksudnya: Siapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkannya membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia keseluruhannya.*

(Al-Ma'idah: 32)

*Hifz al-nafs* merupakan maqasid Syariah yang bersifat *qat'i* atau definitif (Al-Raysūnī, 1999). *Hifz al-nafs* boleh ditakrifkan sebagai memelihara nyawa manusia dengan cara melakukan perkara untuk kelangsungan hidup manusia dan menolak elemen yang boleh merosakkan nyawa. Walaupun pencapaian *hifz al-nafs* perlu diusahakan semampu mungkin, perlu diingatkan bahawa sifat maqasid Syariah itu adalah rigid dan permanent. Agak sukar untuk meluaskan penafsiran maqasid kerana ia terbatas kepada kaedah identifikasi maqasid yang agak ketat khususnya kaedah *istiqra' kulli* terhadap dalil. Bagi mengimbangi situasi ini, para sarjana

memperkenalkan konsep wasilah yang lebih dinamik dan fleksibel untuk mencapai maqasid Syariah. Wasilah dalam konteks maqasid Syariah bermaksud teknik atau medium untuk mencapai maqasid Syariah secara praktikal berdasarkan situasi dan realiti (Kamali, 2017). Berbanding maqasid, wasilah lebih bercirikan fleksibel, bertempoh, boleh-ubah dan terbuka kepada kreativiti akal manusia. Makhdum (1999) menyatakan bahawa pelaksanaan wasilah yang betul merupakan petunjuk bahawa sesebuah maqasid itu tercapai.

Sarjana terdahulu lebih membincangkan pencapaian maqasid melalui wasilah penguatkuasaan undang-undang dan hukuman. Misalnya, hukuman *qisas* dianggap sebagai medium untuk mencapai *hifz al-nafs*. Namun begitu, perbincangan wasilah pada masa kini harus lebih terbuka dan berpandukan realiti tanpa terlalu terikat dengan pandangan klasik. Ini penting agar maqasid Syariah dilihat sentiasa relevan dan boleh dicapai dalam pelbagai situasi dan kondisi. Dengan demikian, para pengkaji kontemporari mengambil pendekatan untuk membincangkan wasilah yang sesuai mengikut isu dan bidang tertentu. Sebagai contoh, dalam bidang kewangan Islam, akses kepada perkhidmatan takaful adalah penting sebagai wasilah *hifz al-nafs*. Dalam aspek penjagaan kesihatan, sekuriti makanan dan akses kepada fasiliti kesihatan merupakan wasilah yang utama. Tidak ketinggalan dalam aspek kawalan penyakit berjangkit. Nabi SAW telah memberi gambaran tentang wasilah umum untuk memelihara nyawa dalam situasi wabak.

إِذَا سَمِعْتُمْ بِالطَّاعُونَ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا

Maksudnya: Jika kamu mendengar tentang (penyebaran) wabak di sesuatu tempat, maka janganlah kamu masuk. Dan sekiranya kamu sudah berada dalam kawasan (penularan wabak) tersebut, maka janganlah kamu keluar darinya.

(Al-Bukhari, 1997)

Walau bagaimanapun, wasilah ini perlu dipelbagaikan dan disesuaikan dengan suasana keperluan kehidupan masa kini yang lebih kompleks.

## MENGENALPASTI WASILAH PEMELIHARAAN NYAWA (HIFZ AL-NAFS) SEMASA PANDEMIK

Wasilah yang sesuai merupakan instrumen penting dalam mencapai maqasid Syariah. Namun, pencapaian maqasid *hifz al-nafs* dalam situasi pandemik masih amat kurang dibincangkan. Kajian ini menyimpulkan tiga wasilah utama yang telah diperakukan oleh pakar akan kemampuannya untuk memelihara nyawa manusia:

1. **Wasilah 1– Alat pelindung diri:** alat pelindung diri berfungsi untuk mengurangkan risiko penularan penyakit melalui saluran pernafasan. Alat penting untuk melindungi individu yang sihat daripada dijangkiti dan mencegah pesakit wabak daripada menjangkiti orang lain. Pemakaian alat pelindung diri mungkin berbeza mengikut risiko jangkitan wabak. Dalam kawasan yang berisiko tinggi seperti hospital atau pusat kuarantin pesakit, alat yang canggih seperti *Personal Protective Equipment* (PPE) mungkin diperlukan (Gordon & Thompson, 2020). Manakala dalam situasi berisiko rendah, pemakaian pelitup muka adalah memadai ketika berada di kawasan awam.
2. **Wasilah 2 – Kawalan pergerakan:** Kawalan pergerakan penting untuk mengurangkan risiko keberjangkitan wabak secara berkesan. Secara asasnya ia berfungsi untuk mengurangkan penyebaran penyakit daripada pihak yang berisiko menghadapi penyakit wabak (Tang, 2020). Kawalan pergerakan boleh berlaku dalam pelbagai kaedah. Ia boleh dibuat secara pengansingan atau kuarantin bagi pihak yang telah dikenalpasti dijangkiti wabak, pihak kontak rapat atau pihak yang berada di kawasan berisiko. Kawalan pergerakan juga berlaku secara skala kecil yang membataskan pergerakan individu secara penjarakan sosial dan sebagainya. Ia juga boleh dilakukan secara skala besar dengan mengawal pergerakan antara daerah, negeri hinggalah menutup sempadan negara.
3. **Wasilah 3 – Imunisasi:** Imunisasi merujuk proses pembentukan antibodi dalam badan bagi melawan penyakit. Imunisasi dalam sesebuah masyarakat perlu diusahakan secepat mungkin hingga mencapai tahap imuniti kelompok. Ia merujuk kepada situasi di mana ejen infektif (jangkitan) tidak dapat tersebar dalam sebuah kelompok masyarakat kerana sebahagian besar mereka telah mempunyai imuniti dan terlindung daripada penyakit tersebut (Dinleyici et al., 2021). Kehidupan akan kembali kepada normal hanya setelah imuniti kelompok tercapai. Tidak dinafikan terdapat kaedah semulajadi untuk membentuk imuniti badan. Namun dalam konteks melawan wabak masa kini, vaksinasi merupakan kaedah imunisasi paling cepat, sistematik dan praktikal. Justeru, boleh disimpulkan bahawa kemuncak wasilah bagi *hifz al-nafs* dalam menangani wabak adalah mendapatkan imunisasi melalui vaksin.

## KESIMPULAN

WKB 2030 mensasarkan pacuan ekonomi negara yang lebih progresif demi menjamin pembangunan masyarakat yang lebih makmur dan sejahtera. Inisiatif ini amat selari dengan Syariah yang diturunkan untuk menjamin kemaslahatan kepada manusia, dan menolak sebarang kemudaratan. Walau bagaimanapun, pandemik COVID-19 telah sedikit sebanyak membantutkan proses melaksanakan WKB 2030. Ia menatijahkan krisis kesihatan yang serius yang sekaligus merencatkan aktiviti ekonomi negara. *Hifz al-nafs* merupakan maqasid yang memberi fokus kepada

penjagaan nyawa manusia. Kajian ini telah mengenalpasti tiga wasilah yang asas dan utama untuk mencapai *hifz al-nafs* ketika bencana pandemik, iaitu: alat pelindung diri, kawalan pergerakan dan imunisasi. Dengan melaksanakan tiga wasilah ini sebaiknya, diyakini *hifz al-nafs* dapat dicapai. Sungguhpun begitu, kajian ini tidak menolak wasilah-wasilah lain seperti sesi kaunseling (bagi yang mengalami depresi), bantuan makanan dan sebagainya, namun ia bukanlah yang utama dan memerlukan penelitian lanjut. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan masyarakat dan pihak yang terlibat dalam menguruskan pandemik. Diharapkan juga kajian ini mampu menyumbang ke arah pencapaian WKB 2030 yang lebih sistematik dan lestari.

## PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (kod penyelidikan: FRGS/1/2020/SSI0/USIM/02/9) dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat, khususnya Fakulti Syariah dan Undang Undang USIM, International Fatwa and Halal Center (iFFAH) dan ahli-ahli penyelidik.

## RUJUKAN

- Al-Bukhari. (1997). *Sahih al-Bukhari* (M. M. Khan (ed.)). Darussalam.
- Al-Ghazzali, A. H. M. (2003). *al-Iqtisad fi al-'Ttiqad* (I. Ramadan (ed.)). Dar Qutaybah.
- Al-Ghazzālī, A. Hāmid. (1997). *Al-Mustaşfā min 'Ilm al-Uşūl* (S. Al-Ashqar (ed.)). Muassasah Al-Risālah.
- Al-Qaradawi, Y. (2012). *Fiqh of Priorities* (K. Wady & A. m. Hassan (eds.)). Mybookstore.
- Al-Raysūnī, A. (1995). *Nazariyyāt al-Maqāşid 'inda al-Imām al-Shāţībī*. The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Raysūnī, A. (1999). *Al-Fikr al-Maqāşidī Qawā'iduhu wa Fawā'iduhu*. Dār al-Bayḍā'.
- Al-Razi, F. al-D. (1992). *Al-Mahsul fi 'Ilm Usul al-Fiqh* (T. J. Al-Alwani (ed.)). Muassasah al-Risalah.
- Al-Shāţībī, A. I. (2004). *Al-Muwāfaqāt fi Uşūl al-Sharī'ah* ('Abd Allāh Darrāz (ed.)). Dār al-kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tirmidhi, A. 'Isa M. bin 'Isa. (1996). *Al-Jami' al-Kabir li al-Tirmidhi*.
- Auda, J. (2007). *Maqasid al-Shari'ah as Philosophy of Islamic Law: A Systems Approach*. The International of Islamic Thought.
- Auda, J. (2011). A Maqasidi approach to contemporary application of the Shari'ah. *Intellectual Discourse*, 19, 193–217.

- Baalbaki, R. (1995). *Al-Mawrid A Modern Arabic-English Dictionary* (7th ed.). Dar El-Ilm Lilmalayin.
- Dinleyici, E. C., Borrow, R., Safadi, M. A. P., van Damme, P., & Munoz, F. M. (2021). Vaccines and routine immunization strategies during the COVID-19 pandemic. *Human Vaccines and Immunotherapeutics*, 17(2), 400–407.
- Gordon, C., & Thompson, A. (2020). Use of personal protective equipment during the COVID-19 pandemic. *British Journal of Nursing*, 29(13), 748–752.
- Ḥajjāj, M. bin. (1991). *Ṣaḥīḥ Muslim* (Muḥammad ‘Abd al-Bāqī (ed.)). Dār al-Ḥadīth.
- Ibn al-Qayyim. (2002). *I‘lām al-Muwaqqi‘īn ‘an Rabb al-‘Ālamīn* (Abū ‘Ubaydah Ālu Salmān & A. ‘Umar Aḥmad (eds.); Vol. 4). Dār Ibn al-Jawzī.
- Kamali, M. H. (2017). Actualisation (Taf‘il) of the Higher Purposes (Maqasid) of Shariah. *Islam and Civilisation Renewal*, 8(3), 295–321.
- Laldin, M. A., & Furqani, H. (2012). The objective of the Shari‘ah in Islamic finance: identifying the ends (Maqasid) and the means (Wasa‘il). In *ISRA Research Paper* (32/2012). ISRA.
- Makhdūm, M. (1999). *Qawā‘id al-Wasā‘il fī al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. Dār Ishbīliyā.
- Tang, K. H. D. (2020). Movement control as an effective measure against Covid-19 spread in Malaysia: an overview. *J Public Health (Berl.): From Theory to Practice Table*, 17–20. <https://doi.org/10.1007/s10389-020-01316-w>